

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) status pelaksanaan projek membaiki sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Hulu Rajang ; dan
- (b) sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik capaian internet di sekolah-sekolah luar bandar di kawasan Parlimen Hulu Rajang

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 6 November 2020, sebanyak 291 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negeri Sarawak telah dinaiktaraf dan dibangunkan semula melibatkan kos projek berjumlah RM1.388 billion.

Khusus di kawasan Parlimen Hulu Rajang, terdapat 8 projek menaik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dengan kos berjumlah RM66.6 juta. Peruntukan ini merangkumi pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah dengan pelbagai skop projek seperti pembinaan

bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, rumah guru, dewan makan, pusat sumber, bilik sains, tandas dan lain-lain kemudahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 20 Oktober 2020, dua projek membangunkan semula bangunan daif di sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Long Gang dan Sekolah Kebangsaan Nanga Sempili telah pun siap sepenuhnya. Manakala, satu projek iaitu Sekolah Kebangsaan Abun Matu berada dalam fasa pembinaan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2021.

Bagi projek naik taraf dan pembangunan semula di SK Ulu Kakus, projek sedang dalam proses penilaian tender dan Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan pada Disember 2020. Manakala bagi SK Sg Tunoh, Kapit, SK Airport, Kapit, SK Batu Keling, Kapit dan SK Ng Oyan, Kapit, Sarawak merupakan projek yang baharu diluluskan di bawah program Pembangunan Semula Sekolah Daif di Sarawak Fasa 2. Projek ini dalam proses reka bentuk dan penyediaan dokumen tender. Tender dijangka akan diiklankan mulai minggu pertama November 2020.

Merujuk kepada capaian internet di sekolah, pada masa ini KPM dalam proses meningkatkan capaian internet ke sekolah di seluruh negara termasuk Parlimen Hulu Rajang. Sehingga kini, KPM telah menyediakan akses internet jalur lebar tanpa wayar berkelajuan 30Mbps kepada 83 sekolah di Parlimen Hulu Rajang. Manakala 11 sekolah lagi akan disediakan akses internet satelit dengan teknologi *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) berkelajuan 30Mbps kerana tiada infrastruktur internet jalur lebar di kawasan sekolah berkenaan. Pemasangan VSAT ini dijangka siap pada Februari 2021.

Sekian, terima kasih.